

Sungai Juru semakin kronik

Kilang lepas sisa industri di sepanjang tujuh kilometer membabitkan kawasan Perindustrian Prai Zon Satu hingga Empat serta Perindustrian Ringan Bukit Minyak

SAKIT MATA MEMANDANG: Sungai Juru dipenuhi sampah sarap.



Oleh Mohd Anwar Patho Rohman

SUNGAI adalah anugerah Allah sebagai aset semula jadi yang penting dan tidak ternilai untuk semua makhluk di bumi ini, malah menjadi warisan sepanjang hayat yang perlu dipulihara serta diuruskan secara profesional.

Sebaliknya, pembangunan pesat dan pertumbuhan penduduk yang tinggi serta sikap tidak bertanggungjawab rakyat, sungai tidak lagi diberikan perhatian serius.

Apa yang menyedihkan sungai kini menjadi tong sampah bergerak, tempat pembuangan sampah, sisa kimia, kumbahan manusia dan binatang, termasuk peti sejuk, televisyen lama dan tilam buruk, hatta bangkai kereta.

Punca air sungai teruk tercemar tidak sukar dicari jawapannya. Kalau berkesempatan meninjau sepanjang sungai tertentu di negeri ini, kita boleh temui pelbagai barang yang tidak sepatutnya berada dalam sungai.

Pencemaran yang teruk menyebab-

kan sungai yang sepatutnya memainkan fungsi penting dalam kehidupan manusia dan alam seagat, termasuk berpotensi untuk pembangunan ekonomi, tidak lagi relevan.

Potensi sungai sebagai sumber keperluan manusia terus dilupakan sehingga sungai tidak lagi berada dalam keadaan yang sering diimpikan, dengan airnya mengalir jernih dan boleh digunakan untuk pelbagai tujuan, di samping pemandangan indah di sepanjang tebingnya.

Memperkatakan pencemaran sungai, Sungai Juru di Seberang Prai Tengah (SPT), adalah antara 12 sungai di negara ini yang paling teruk tercemar iaitu pada tahap kronik berikutan terlalu banyak menampung beban sisa industri dan kumbahan.

Sungai itu tercemar dengan pelbagai sisa buangan yang dilupuskan oleh ratusan kilang berhampiran, termasuk kilang haram dari bandar Bukit Mertajam, Alma dan Prai.

Kilang melepaskan sisa industri di sepanjang tujuh kilometer sungai, membabitkan kawasan Perindustrian Prai Zon Satu hingga Empat serta Perindustrian Ringan Bukit Minyak.

Sekitar kawasan perindustrian Prai yang menempatkan pelbagai kilang seperti fiber, plastik, logam, besi, tekstil dan jentera rata-ratanya menggunakan bahan kimia, melepaskan sisa industri ke dalam longkang dan parit utama mengalir terus ke Sungai Juru.

Sisa yang dikhuatiri mengandungi sisa toksik tidak dirawat, disalurkan ke rumah pam yang berfungsi melepaskan sisa buangan terus ke laut mengikut masa yang sesuai seperti

ketika air pasang.

Ia berbau busuk dan menyebabkan pening jika terhidu dengan airnya berwarna hitam pekat.

Antara kesan pencemaran ketara yang berlaku di Sungai Juru termasuk pelupusan sisa buangan domestik, kegiatan pembangunan perbandaran, setinggian dan bengkel.

Walaupun jumlah beban efluen industri adalah kecil, kesannya lebih berbahaya berbanding kumbahan domestik atau haiwan.

Kesan kumbahan umumnya akan mengurangkan oksigen sehingga menyebabkan kematian ikan dan sumber hidupan di sungai itu serta berbau busuk.

Umumnya, pencemaran di lembah-

“Apa yang diperlukan pada masa kini dan akan datang adalah kesedaran orang ramai supaya tidak terus mengotorkan Sungai Juru dan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang”

Marzuki Mokhtar
Ketua Penolong Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang

ngan Sungai Juru berpunca daripada pelepasan sisa kumbahan domestik, ternakan babi, pembuangan sampah dan pelepasan efluen (sisa industri) tanpa atau separa terolah sejak lebih 20 tahun lalu.

Malah, pelepasan kumbahan dan efluen yang terkumpul itu dikenal pasti menjadi punca kematian ikan dan kerang yang diternak nelayan setempat sejak sekian lama.

Mengikut pemantauan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Sungai Juru dikategorikan pada kelas empat iaitu disahkan sebagai kotor dan langsung tidak boleh digunakan.

Sungai yang dikategorikan sebagai kelas lima iaitu Sungai Nipah, Sungai Nibong Kecil, Sungai Gemuruh, Sungai Sembilang dan Sungai Jelutong, semuanya di bahagian pulau.

Sembilan lagi - Sungai Kluang, Sungai Pinang, Sungai Air Itam dan Sungai Dondang (bahagian pulau), serta Sungai Juru, Sungai Pasir dan Sungai Kilang Ubi (Seberang Prai), dalam kelas empat.

Mengikut JPS, air sungai kelas satu adalah paling bersih dan layak diminum. Bagi kelas dua dan tiga, airnya pada tahap memuaskan dan layak untuk kegunaan mencuci atau diberikan kepada haiwan ternakan.

Namun, jika air sungai berada dalam kelas empat dan lima, ia disahkan sebagai paling kotor dan langsung tidak boleh digunakan, hatta oleh haiwan ternakan.

Ketua Penolong Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Marzuki Mokhtar, berkata punca pencemaran Sungai Juru sejak 10 tahun lalu adalah pembuangan efluen industri, sam-

pah yang dibuang manusia terutama peniaga kedai makanan, pasar dan isi rumah di Bukit Mertajam, Alma dan Bukit Tengah.

Bagaimanapun, JAS tidak boleh mengambil sebarang tindakan terhadap golongan peniaga terbabit kerana di luar bidang kuasa, kecuali terhadap syarikat industri.

“Orang ramai sering keliru dengan tugas dan bidang kuasa kami sehingga JAS selalu menjadi pihak yang dipersalahkan sedangkan tugas sebenar untuk mengambil tindakan terhadap peniaga yang membuang sampah ke dalam sungai adalah jabatan atau agensi lain,” katanya.

Marzuki berkata, JAS melaksanakan program pencegahan pencemaran dan pengawalan kualiti air dalam usaha memperbaiki kualiti air Sungai Juru dari kelas empat kepada kelas dua supaya kegunaannya dapat dipelbagaikan.

FAKTA

Sungai di Pulau Pinang yang tercemar berdasarkan daerah dan kelas

Barat Daya

- Sungai Nipah (kelas lima)
- Sungai Kluang (kelas empat)
- Sungai Nibong Kecil (kelas lima)
- Sungai Gemuruh (kelas lima)
- Sungai Sembilang (kelas lima)

Timur Laut:

- Sungai Pinang (kelas empat)
- Sungai Jelutong (kelas lima)
- Sungai Air Itam (kelas empat)
- Sungai Dondang (kelas empat)
- Sungai Air Terjun (kelas dua)
- Sungai Air Putih (kelas dua)

Pada masa sama, JAS bekerjasama dengan pihak kilang untuk mengurangkan pelepasan efluen atau sisa industri ke Sungai Juru termasuk menggalakkan mereka memasang teknologi terkini untuk merawat sisa yang dibuang.

“Setakat ini, kita gembira dengan kerjasama yang ditunjukkan pihak kilang yang sering mendapatkan nasihat JAS untuk membuang sisa industri,” katanya sambil menambah ada kira-kira 250 kilang beroperasi di sepanjang laluan Sungai Juru.

Sepanjang tahun lalu, tiga kilang sudah diambil tindakan mahkamah kerana pelepasan efluen yang gagal mematuhi standard JAS seperti disyaratkan Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974).

Pemilik boleh dikenakan tindakan denda tidak melebihi RM100,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Seberang Prai Tengah

- Sungai Juru (kelas empat)
- Sungai Pasir (kelas empat)
- Sungai Kilang Ubi (kelas empat)

Peruntukan

- RM510 juta diperuntukkan dalam RMK-9 untuk membersihkan, memulihara dan mengindahkan sungai seluruh negara.
- Sebanyak 164 batang sungai di Pulau Pinang, termasuk anak sungai, dengan panjang keseluruhannya 620 kilometer.